



Penguasaan Bahasa Melayu Penjawat Awam: Kajian Kes di Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)

Junaini Kasdan*, Nor Suhaila Che Pa** & Mohd Syamril Akhmar Che Kassim**

junaini@ukm.edu.my, suhailachepa@unimap.edu.my, syamril@unimap.edu.my

**Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM*

***Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis*

Abstrak

Komunikasi dapat diwujudkan dengan mudah melalui penggunaan e-mel kerana aplikasi ini merupakan satu bentuk komunikasi maya yang sangat efektif, sama ada di institusi awam atau swasta. Menurut Derks dan Bakker (2010), pada masa kini e-mel merupakan wahana komunikasi yang utama dan meluas, bukan sahaja dalam kalangan rakan sebaya, dekat atau jauh, tetapi juga diterima sebagai dokumen rasmi, walaupun tanpa ditandatangani oleh si pengirim. Bahkan ada yang memiliki lebih daripada satu akaun e-mel. Penggunaannya yang pantas, berkesan dan selamat menjadikan e-mel sebagai pilihan komunikasi yang utama, justeru tidak hairanlah jika penggunaan e-mel dalam sektor awam di Malaysia meningkat secara mendadak. Kini, hampir semua agensi di sektor awam telah dilengkapi dengan kemudahan e-mel. Dalam usaha memastikan keefisienan urus tadbir sebuah universiti teknikal Malaysia (MTUN), yang mempunyai lokasi pentadbiran kampus yang teragih, penggunaan e-mel terbukti sangat penting. Pemerhatian awal terhadap kepelbagaian format dan isi kandungan e-mel berbahasa Melayu yang diterima dari pelbagai pusat pengajian, jabatan atau unit melalui pentadbir e-mel (*postmaster*) ICT sepanjang tahun 2013 mengujanya minat pengkaji untuk mengenal pasti dan menjelaskan fenomena tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam di universiti berkenaan dari kacamata sosiokognitif. Bagi memudahkan analisis, pengkaji memanfaatkan perisian AntConc yang boleh diakses melalui internet. Hasil kajian mencatatkan bahawa penguasaan bahasa Melayu penjawat awam di universiti teknikal Malaysia yang dipilih adalah pada tahap sederhana. Kelemahan dikesan dalam bentuk morfologi, sintaksis dan pilihan kata, yang kadang kala menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan maklumat tidak dapat diterima dengan baik. Justeru, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan bagi memastikan semua penjawat awam dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana hal tersebut sangat berkaitan dengan imej dan sistem penyampian yang berkesan.

Kata kunci: penguasaan bahasa Melayu, penjawat awam, perisian AntConc, analisis linguistik.

Abstract

Communication can be created by the use of e-mail because the application is a form of virtual communication that is very effective, whether in public or private institutions. Furthermore according to Derks and Bakker (2010), e-mail is currently the largest and most widely used vehicle of communication, not only between peers, near or distant, but also accepted as official documents even without the sender's signature. In an effort to ensure efficiency in the governance of a Malaysian technical university (MTUN) that has distributed campus administration locations, the use of e-mail is proven to be important. Early observation of the diversity of format and e-mail received in bahasa Melayu from several learning centres, departments and units through the ICT postmaster from 2013 piques the researcher's interest to identify and explain the level of bahasa Melayu mastery phenomenon among civil servants in this university from a sociocognitive viewpoint. To facilitate the analysis, the researcher employs the use of the AntConc program which is accessible via the internet. The research results show that the Malay language proficiency among civil servants at the chosen Malaysian technical university is at a moderate level. Weaknesses are discovered in the morphology, syntax and choice of words which sometimes create confusion and cause information to be badly conveyed. Therefore, several improvements need to be done to ensure all civil servants are able to master bahasa Melayu well because this matter is related to image and an effective system of delivery.

Keywords: Malay language proficiency, sivil servants, AntConc software, linguistic analysis

1. Pengenalan

Walaupun bahasa Melayu telah diwartakan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bahkan pernah dijadikan bahasa pengantar dalam semua tahap pendidikan, namun isu tentang penguasaan bahasa Melayu tidak pernah berhenti. Akhbar atas talian *Malaysiakini.com* (24 Nov. 2014), misalnya melaporkan bahawa penguasaan bahasa Melayu kini dilihat merosot bukan sahaja dalam kalangan masyarakat bukan Melayu, tetapi juga masyarakat Melayu sendiri. *Utusan.com* (18 Dis. 2014) pula melaporkan bahawa Program Audit Bahasa yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati penggunaan bahasa Melayu di universiti awam Malaysia dalam semua aspek urusannya adalah kurang memuaskan. Terdahulu daripada itu, kajian yang dilakukan oleh Awang Sariyan (2011) mendapati tahap penggunaan bahasa Melayu, khususnya dalam dokumen rasmi kerajaan masih perlu diberi perhatian dan tahap kepekaan serta jati diri penjawat awam terhadap bahasa Melayu perlu ditingkatkan. Beliau berpendapat bahawa ibu segala masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar bahasa ialah ketidaktekanan sikap, pendirian dan pelaksanaan, yang sebahagiannya disebabkan oleh faktor tidak memahami atau kurang memahami peranan bahasa sebagai satu daripada tonggak pembangunan. Hal ini kerana, pembangunan seringkali dipertalikan dengan pembangunan fizikal, sehingga faktor bahasa dianggap tidak penting dalam usaha mengejar kemajuan. Tidak cukup dengan pewartaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan Malaysia dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Perkara 152), kerajaan mewartakan pula Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Negara, Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2006 yang berkaitan dengan Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011 bertajuk Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam, Pelan Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memantapkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), Pelan Pembangunan Pemartabatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPTA, kerajaan turut melaksanakan Program Audit Bahasa. Melihat pada banyaknya dasar dan program yang berkaitan dengan bahasa Melayu, maka timbul persoalan apakah tahap penguasaan bahasa Melayu rakyat Malaysia, khususnya penjawat awam yang menjadi jentera kerajaan, sekali gus sebagai pelaksana dasar kerajaan?

2. Kajian Lepas

Penulis cuba menelusuri kajian terdahulu yang mengungkapkan tentang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. Penelusuran ilmu menunjukkan telah banyak laporan kajian yang berkaitan dilaksanakan, namun lebih tertumpu pada **penguasaan bahasa Melayu remaja dan pelajar sekolah**. Junaini Kasdan (2010) misalnya, melalui kajian *sikap, persepsi dan tahap penguasaan bahasa Melayu Remaja: analisis sosiokognitif*, mendapati bahawa hasil ujian penguasaan bahasa Melayu yang dilakukan ke atas 1,523 remaja Malaysia menunjukkan 29.7% (452) remaja gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik atau berada di bawah tahap lulus, 31.7% (483) remaja berada pada tahap sederhana, 28.0% (427) remaja berada pada tahap baik dan 6.4% (97) remaja dikategorikan sebagai cemerlang. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa faktor wajib lulus, sekali gus sebagai prasyarat untuk memasuki IPTA menjadi pemacu kepada kecemerlangan keputusan peperiksaan bahasa Melayu remaja. Kajian juga berjaya membuktikan bahawa sosiokognitif yang melatarbelakangi remaja mempunyai hubungan langsung dengan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Kelemahan penguasaan bahasa Melayu remaja pula diperlihatkan melalui kegagalan mereka mematuhi aturan nahu pegangan.

Hasil kajian tersebut diperkukuh dengan penemuan kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2010), *Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia: kupasan ilmiah*. Menurut beliau, secara eksplisit, faktor sosiokognitif dalam penguasaan bahasa Melayu remaja dapat ditambah dengan satu lagi aspek penting, iaitu penguasaan pragmatik, yang jarang diketengahkan. Hal ini penting kerana ia berkaitan dengan perancang kurikulum, pemeriksa kertas dan guru pemeriksa kertas bahasa Melayu. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan tahap penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia berada pada tahap lemah dan kurang

memuaskan. Beliau turut mencatatkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dan diperkukuh dengan gambar-gembut kepentingan bahasa Mandarin menjadikan bahasa Melayu terus terpinggir, sekali gus memencilkan isu penguasaan bahasa Melayu.

Pada masa yang sama juga, Zaharani Ahmad dan Teressa Jabar (2010), melalui kajian *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa* yang dilakukan pula mendapati bahawa tahap penguasaan remaja Malaysia dalam aspek membina ayat adalah memuaskan, iaitu 74.8%, sedangkan dalam aspek analisis kesalahan yang melibatkan imbuhan dan ejaan (56.9%) dan pilihan kata (64.1%) adalah pada tahap kurang memuaskan. Pelajar juga tidak dapat menguasai sistem ejaan dan pemilihan kata dengan baik. Melalui analisis morfologi pengkaji menjelaskan bahawa kelemahan penguasaan ejaan disebabkan pengaruh bahasa Inggeris dan bahasa pertama, iaitu Iban dan Bidayuh.

Melalui kajian *Penguasaan bahasa Melayu Remaja Sabah dan Sarawak*, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zecqualine Melai (2013) juga merakamkan bahawa penguasaan bahasa Melayu, khususnya di Sabah dan Sarawak sangat membimbangkan. Kajian menunjukkan 70.0% remaja tidak dapat mengeja dengan betul dan 9.0% tidak menguasai imbuhan dalam bahasa Melayu. Pengkaji mendapati bahawa hal tersebut berlaku disebabkan pelajar terkeliru antara nahu preskriptif yang diajar di sekolah dengan nahu praktis yang diamalkan di luar sekolah.

Keempat-empat kajian tersebut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah (2011) melalui kajiannya, *Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: analisis pragmatik*. Kajian mendapati bahawa tahap penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja di lokasi terpilih (Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan) masih lemah. Kelemahan tersebut mempunyai kaitan dengan kurangnya remaja membaca bahan bacaan berbahasa Melayu, selain daripada persekitaran yang kurang mendukung penggunaan bahasa Melayu. Walaupun kajian ini berkaitan dengan penguasaan bahasa Melayu remaja, namun fenomena tersebut dapat memberikan gambaran bahawa hal yang sama turut berlaku dalam kalangan orang dewasa, apatah lagi setelah lama meninggalakan alam persekolahan.

Penelusuran ilmu seterusnya membawa kepada kajian **penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan orang dewasa** yang dilakukan oleh Abdul Rashid Daing Melebek (2010). Penyelidikan tersebut dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 6 Atas. Penyelidikan tersebut mendapati bahawa semua responden menghadapi masalah dan masih keliru dalam semua aspek tatabahasa yang dikemukakan dalam ujian. Aspek tatabahasa yang kesalahannya melebihi 50% ialah kata pemerli 82%, klausa 74%, predikat 58%, morfologi 53%, kata penguat 52%, golongan kata 75% dan tanda baca 81%. Kesalahan aspek tatabahasa yang dilakukan oleh para guru yang sangat ketara ialah kata pemerli, klausa dan tanda baca, manakala aspek predikat, morfologi, kata penguat adalah pada sekitar 50% kesalahan. Para guru juga bermasalah dalam aspek kata hubung, ayat majmuk, semantik, imbuhan, sintaksis, frasa, subjek, kata majmuk, kata ganda, dan ayat aktif. Hal ini memberikan kesan kepada calon STPM, khususnya yang kurang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini tentunya sangat menarik kerana dapat memberikan gambaran masa depan bahasa Melayu itu sendiri sekiranya hal tersebut terus dibiarkan begitu sahaja. Jika dalam kalangan guru bahasa Melayu pun masih berlaku kelemahan penguasaan bahasa Melayu, bagaimana pula penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam lainnya? Dalam hal ini, kajian selanjutnya perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti strategi dan inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi memastikan bahasa Melayu dikuasai dengan baik oleh seluruh rakyat Malaysia.

Selari dengan keperluan tersebut kerajaan telah memperkenalkan pelan tindakan memartabatkan bahasa Melayu sebagaimana yang terkandung dalam pelan Memartabatkan bahasa Melayu Memperkukuh bahasa Inggeris (MBMMBI). Bagi memastikan kejayaan pelan tindakan tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan audit bahasa di agensi kerajaan. Audit bahasa yang melibatkan 250 surat rasmi, 221 e-mel, 25 notis, 103 minit, 189 memorandum, 32 laporan, 36 nota pembentangan, 126 dokumen edaran, 28 teks ucapan, 12 maklum balas aduan, dan 282 paparan dan peragaan di 10 jabatan di JPA mendapati bahawa pada keseluruhannya tahap penggunaan bahasa Melayu dalam dokumen rasmi di JPA mencapai tahap 86%. Ada ruang penambahbaikan sebanyak 14% bagi memastikan bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam dokumen rasmi. Pencapaian penggunaan bahasa Melayu di JPA berada pada tahap 4 daripada tahap 5 yang tertinggi. Daripada sudut mutu JPA hampir mencapai tahap 5 iaitu 89.7%. Audit bahasa ini melibatkan di JPA telah diaudit. (<http://klikweb.dbp.my/wordpress>).

Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka ini sedikit sebanyak telah menggerakkan naluri kebahasaan dalam kalangan sebahagian penjawat awam, khususnya. Banyak jabatan yang sudah meninjau-ninjau dokumen rasmi masing-masing termasuk surat, laporan, minit mesyuarat, edaran dan sebagainya sebelum diaudit. Terpanggil dengan

program audit bahasa ini, maka pengkaji cuba meninjau penggunaan bahasa penjawat awam di sebuah universiti teknikal di Malaysia. Berdasarkan kedudukan kampus yang teragih, maka e-mel merupakan wahana komunikasi yang penting di universiti ini. Semua pemakluman penting akan disampaikan melalui e-emel kerana cara ini lebih cepat, berkesan, ekonomi, dan efektif. Walau bagaimanapun, pemerhatian awal mendapati bahawa e-mel yang diterima atau dikirim tidak menggunakan bahasa yang standard, baik dari segi ejaan, struktur ayat, pilihan kata atau format.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan fenomena tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam, khususnya di universiti teknikal terpilih dari kacamata sosiokognitif. Sosiokognitif ialah istilah gabungan antara sosial dan kognitif, yang meliputi unsur sosial termasuk budaya dan fenomena kognitif, yang berhubung erat dengan bahasa dan pembelajaran bahasa. Istilah sosiokognitif pertama kali dikemukakan oleh Atkinson (2002) melalui artikelnya "*Towards a Sociocognitive Approach to Second Language Acquisition*". Dalam hal ini, pengkaji memberikan tumpuan pada penggunaan bahasa Melayu dalam e-mel berbahasa Melayu yang dikeluarkan melalui pentadbir e-mel.

3. Metodologi


E-mel atau mel elektronik, sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Britannica Encyclopedia* (<http://global.britannica.com/EBchecked/topic/183816/e-mail>) ialah satu bentuk surat elektronik yang menggunakan pelbagai aplikasi yang digunakan untuk menghantar, menyimpan dan menerima mesej melalui sistem komunikasi elektronik. Surat berasaskan penggunaan sistem komputer ini boleh dihantar atau menerima fail-fail yang mengandungi teks, grafik, animasi, audio, video dan sebagainya. Fail atau kandungan yang disertakan dalam e-mel ini juga boleh disimpan, diubah suai, ditukar formatnya dengan menggunakan pelbagai bentuk program komputer, yang boleh dilakukan melalui rangkaian (*network*). Kini, e-mel sudah menjadi satu bentuk komunikasi yang penting dan mula diterima untuk urusan rasmi, walaupun masih memerlukan penggunaan surat-menyurat. Melalui e-mel, komunikasi dapat diwujudkan dengan mudah kerana penggunaannya yang sangat efektif, sama ada di institusi awam atau swasta.

Menurut Derks dan Bekker (2010), psikolog yang mengkaji tentang kesan e-mel terhadap kehidupan berorganisasi, bahawa pada masa kini e-mel digunakan secara meluas, bukan sahaja dalam kalangan rakan sebaya, dekat atau jauh, tetapi juga diterima sebagai dokumen rasmi, walaupun tanpa ditandatangani oleh si pengirim. Bahkan ada yang memiliki lebih daripada satu akaun e-mel. Penggunaannya yang pantas, berkesan dan selamat menjadikan e-mel sebagai pilihan komunikasi yang utama, justeru tidak hairanlah jika penggunaan e-mel dalam sektor awam meningkat secara mendadak. Kini, hampir semua agensi di sektor awam telah dilengkapi dengan kemudahan e-mel.

Bagi memastikan keberkesanan penggunaan e-mel, Kementerian yang berkenaan telah mengeluarkan panduan penggunaan e-mel, misalnya, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 bertajuk "Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi Kerajaan", Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 1 Jun 2007 bertajuk "Langkah-Langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan" dan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 23 November 2007 bertajuk "Langkah-Langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan. Dalam hal yang berkaitan dengan penggunaan bahasa, MAMPU telah menggariskan bahawa e-mel hendaklah menggunakan bahasa dan ayat yang jelas, tepat dan mudah difahami oleh penerima serta menggunakan bahasa yang betul dan sopan; serta menggunakan bahasa formal, di samping 38 panduan yang lainnya.

Bagi tujuan kajian ini, tumpuan pungutan data diberikan pada sebuah universiti teknikal Malaysia (MTUN). Empat buah universiti yang dikelompokkan di bawah universiti teknikal ialah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Keempat-empat universiti berusia sekitar 11 hingga 13 tahun. Bagi universiti yang masih baharu, kebanyakan pensyarah dan pentadbirnya juga terdiri daripada mereka yang berusia 25 hingga 45 tahun, bahkan sebahagiannya baru menamatkan pengajian dari institusi pengajian tinggi luar negara. Justeru, tidak hairan jika semangat untuk berbahasa Inggeris masih menebal, ditambah pula dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti MTUN, khususnya di universiti yang dipilih. Dalam usaha memastikan keefisienan urus tadbir sebuah MTUN yang mempunyai kampus teragih (*distributed campus*) pula, penggunaan e-mel terbukti sangat penting dan berkesan. Namun, sama ada sengaja atau tidak sengaja, penjawat awam di universiti ini seringkali mengabaikan

panduan e-mel yang dikeluarkan oleh pihak kementerian. Gambar rajah 1a dan 1b adalah antara contoh kepelbagaian e-mel yang mengguja minat penulis untuk melaksanakan kajian ini.



Rajah 1 Kepelbagaian kandungan e-mel




Rajah 2 Kepelbagaian kandungan e-mel

Melalui kajian ini sebanyak 200 e-mel yang diterima daripada pentadbir e-mel sepanjang tahun 2013 dipilih sebagai data kajian. E-mel yang dipilih terdiri daripada e-mel yang mengandungi banyak perkataan, tidak berulang dan menggunakan bahasa Melayu. E-mel tersebut kemudiannya ditukarkan dalam bentuk fail teks (.txt) dan dianalisis menggunakan perisian AntConc sebagai data korpus. Perisian AntConc ialah perisian yang diperkenalkan oleh Laurence Anthony, seorang Profesor di Pusat Pendidikan Bahasa Inggeris dalam Fakulti Sains Kejuruteraan di Universiti Waseda, Tokyo, Jepun pada tahun 2002:

AntConc is a freeware, multi-platform, multi-purpose corpus analysis toolkit, designed by the author for specific use in the classroom. AntConc includes a powerful concordancer, word and keyword frequency generators, tools for cluster and lexical bundle analysis, and a word distribution plot. It also offers the choice of simple wildcard searches or powerful regular expression searches, and has an extremely easy-to-use, intuitive interface.

(Laurence Anthony 2005)

Selanjutnya, setiap kesalahan yang ditemui diisih dan dikumpulkan mengikut kategori yang ditetapkan, iaitu, kesalahan ejaan, imbuhan, pilihan kata, struktur ayat, tanda baca dan kesalahan lain. Bagi mengenal pasti kekerapan kesalahan, bantuan perisian AntConc dimanfaatkan. Gambar rajah 2 yang berikut menunjukkan contoh kekerapan baris konkordan penggunaan kata “tentatif”, yang salah dalam bahasa Melayu.




Rajah 3 Contoh kekerapan baris konkordan penggunaan kata “tentatif”

4. Analisis dan Perbincangan

Penguasaan bahasa, bermaksud pengetahuan dan kebolehan seseorang untuk berkomunikasi secara spontan, tepat, dapat difahami, bermakna dan sesuai dalam bahasa tertentu. (*The knowledge and abilities which impact on the capacity of a given individual to communicate spontaneously, accurately, intelligibly, meaningfully and appropriately in a given language*) (*Glossary of Language Proficiency and Language Testing Terms*, <http://www.icao.int/anb/fls/AUD001/glos.pdf>). Dalam konteks kajian ini, penguasaan bahasa dirujuk sebagai kebolehan seseorang memahami, mengetahui, mengenal pasti dan menganalisis peraturan tatabahasa atau rumus bahasa Melayu yang mendasari sistem tatabahasa bahasa Melayu dengan baik dan betul. Menurut Awang Sariyan (1985), penguasaan bahasa adalah penguasaan secara sistematis, iaitu bahasa keseluruhan bukannya setakat penguasaan lisan saja. Penguasaan bahasa akan mencerminkan akal budi dan pemikiran masyarakat penuturnya. Kelemahan penguasaan bahasa pasti akan menimbulkan kesan buruk kepada bahasa Melayu.

Menurut Nik Safiah Karim (1980) pula, kesalahan bahasa merujuk penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat. Sedangkan menurut Corder (1981), kesalahan bahasa adalah suatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima oleh penutur jati dan kesilapan tersebut meliputi aspek ejaan, sebutan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya.

Pada umumnya penguasaan bahasa Melayu penjawat awam di universiti teknikal yang dipilih adalah pada tahap sederhana. Peratusan ketidakpatuhan tatabahasa yang dilakukan oleh penjawat awam di universiti yang berkenaan ditunjukkan melalui gambar rajah 3. Melalui Rajah 4, dapat dilihat bentuk-bentuk ketidakpatuhan yang dilakukan oleh penjawat awam. Ketidakpatuhan tersebut dikelompokkan sebagai kesalahan sintaksis (29.0%), ejaan (28.0%), imbuhan (14.0%), tanda baca (10.0%), pilihan kata/istilah (9.0%), kata sendi (8.0%) dan kesalahan-kesalahan lain (2.0%).



Rajah 4 Peratusan ketidakpatuhan tatabahasa penjawat awam

Berdasarkan pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu penjawat awam di universiti berkenaan ialah sikap mereka sendiri yang tidak peka dan peduli terhadap bahasa Melayu, ditambah dengan persekitaran universiti yang serba-serbi menggunakan bahasa Inggeris, termasuk dalam mesyuarat atau majlis rasmi universiti. Tiada pemantauan dan teguran daripada ketua atau pegawai penyelia terhadap dokumen rasmi, khususnya e-mel yang dikeluarkan oleh penjawat awam juga merupakan faktor penguasaan bahasa Melayu yang kurang memberangsangkan di institusi berkenaan. Wujudnya segelintir ekspatriat dan pelajar asing yang tidak memahami bahasa Melayu pula sering dijadikan alasan untuk tidak menguasai atau tidak menggunakan bahasa Melayu.

Bagi tujuan penulisan ini, penulis hanya akan menganalisis beberapa kesalahan bahasa sahaja, khususnya kesalahan yang mempunyai kekerapan tertinggi.

Penguasaan Espek Ejaan

Berkaitan dengan kesalahan ejaan, kajian mendapati bahawa jumlah kesalahan yang dilakukan oleh penjawat awam di universiti yang berkenaan ialah 204, dengan pengejaan kata e-mel yang dieja sebagai “emel” dan “email” menjadi kesalahan ejaan paling kerap dilakukan. Walaupun kesalahan **ejaan** emel dan **email** dianggap kecil, namun tanpa disedari ejaan ini akan berimpak kepada ejaan-ejaan lain yang mempunyai bentuk yang sama, misalnya e-perbankan, e-bayaran, e-buku, k-ekonomi, e-jurnal, e-tesis, e-bank dan sebagainya. Cuba kita sebutkan perkataan-perkataan tersebut sekiranya dieja sama bentuk dengan ejaan emel atau email. Perlu diingat bahawa bahasa Melayu yang baik ialah bahasa Melayu yang dieja dan diungkapkan dengan betul, pemilihan kata yang tepat, santun, logik serta gramatis (Asmah Haji Omar 1982). Kesalahan ejaan lain yang dapat dikumpulkan melalui kajian ini adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Senarai Kekekapan Kesalahan Ejaan

Kesalahan Ejaan	Ejaan yang Betul	Kekekapan
Emel	E-mel	43
Urusetia	Urus setia	25
Email	E-mel	22
Aturcara	Atur cara	15
Samada	Sama ada	13
Tengahari	Tengah hari	12
Kawalselia	Kawal selia	12
Walaubagaimanapun	Walau bagaimanapun	12
Rekabentuk	Reka bentuk	11
Maklumbalas	Maklum balas	11
Muaturun	Muat turun	11
Ucaptive	Ucap utama	8
Kuatkuasa	Kuat kuasa	6
Menggunapakai	Mengguna pakai	3
JUMLAH		204

Daripada Jadual 1 dapat disimpulkan bahawa penjawat awam menghadapi kesukaran untuk mengeja bentuk rangkai kata. Contohnya, “urus setia” dieja sebagai “urusetia”, “atur cara” dieja sebagai “aturcara” dan “tengah hari” dieja sebagai “tengahari”. Berdasarkan pemerhatian, kesalahan ini juga sering dilakukan oleh penjawat awam yang lain. Hal ini berlaku disebabkan bentuk ejaan yang dipersembahkan adalah mengikut bentuk ejaan daripada kata bahasa Inggeris. Misalnya, kata atur cara yang dalam bahasa Inggerisnya *program*, dieja sebagai satu perkataan. Begitu juga dengan kata urus setia (*secretariat*), sama ada (*whether*), tengah hari (*afternoon*), reka bentuk (*design*), lebuhraya (*highway*), muat turun (*download*), kuat kuasa (*enforce*) dan sebagainya. Walaupun telah ada panduan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tentang pengejaan rangkai kata, namun, dalam hal ini penjawat awam masih cenderung terpengaruh dengan bentuk pengejaan bahasa Inggeris.

Berdasarkan panduan yang dibekalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), semua rangkai kata, iaitu gabungan dua kata dasar atau lebih yang membentuk makna tertentu dalam bahasa Melayu yang dibentuk selepas tahun 1972, hendaklah dieja secara terpisah (*Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, 1975). Walau bagaimanapun, bentuk pengejaan yang demikian tidak berlaku kepada 14 perkataan yang dikecualikan, iaitu kerjasama, bumiputera, kakitangan, suruhanjaya, sukarela, pesuruhjaya, matahari, tandatangan, setiausaha, tanggungjawab, warganegara, jawatankuasa, antarabangsa, olahraga, dan beritahu kerana bentuknya yang sudah mantap. Justeru, kekecualian ini sebenarnya turut mengelirukan pengguna bahasa, terutama bagi mereka yang tidak mengetahui 14 perkataan yang dikecualikan, sedangkan sebahagian daripada perkataan tersebut sangat kerap digunakan dalam penulisan, misalnya kerjasama, tanggungjawab, jawatankuasa, tandatangan, dan antarabangsa. Namun, sebagai pengguna bahasa yang peka dan bijak mereka seharusnya memastikan terlebih dahulu ejaan yang betul dan tepat dengan merujuk kamus atau mereka yang lebih menguasai bahasa Melayu. Hakikatnya, walaupun kesalahan ejaan bukan satu “dosa”, namun, fonema ini memberikan gambaran sikap dan keperibadian seseorang, khususnya terhadap bahasa Melayu.

Penguasaan Aspek Imbuan

Dari segi penguasaan morfologi atau imbuan, sebanyak 100 kesalahan ditemui, dan kekerapan tertinggi adalah penggunaan imbuan “di...”. Jadual 2 menunjukkan kekerapan kesalahan aspek imbuan yang dicatatkan. Jadual 2 memperlihatkan bahawa kesalahan imbuan yang tidak dapat dikuasi dengan baik oleh penjawat awam di universiti yang berkenaan ialah imbuan di-, contohnya di hantar, di ambil, di rujuk dan di buka. Kesalahan juga direkodkan pada apitan “di...kan”, contohnya di lampirkan, di tempatkan, di jalankan dan diperkemaskan.

Jadual 2 Senarai Kekeperan Kesalahan Aspek Imbuhan

Kesalahan aspek imbuhan	Ejaan yang betul	Kekerapan
Imbuhan asli bahasa Melayu		
Di hantar	Dihantar	9
perletakkan	peletakan	9
memperbaiki	memperbaik	7
Di ambil	Diambil	6
perlantikkan	pelantikan	5
Di lampirkan	Dilampirkan	4
Di dahului	Didahului	3
Di rujuk	Dirujuk	3
Di jalankan	Dijalankan	3
Di buka	Dibuka	3
diperkemaskan	diperkemas	3
Di tempatkan	Ditempatkan	1
Di ambilkira	Diambil kira	1
Penambah baikan	Penambahbaikan	1
Awalan asing		
Pra bayar	Prabayar	3
Pra perkahwinan	Praperkahwinan	3
JUMLAH		100

Pada hemat penulis, dalam hal ini penjawat awam universiti berkenaan masih tidak dapat membezakan antara imbuhan di... dengan kata sendi di-. Sememangnya kesalahan yang sedemikian tidaklah meninggalkan kudis atau bahkan tidak menimbulkan kekeliruan makna, sehingga mencatatkan komunikasi, namun hal tersebut bukanlah alasan untuk melakukan kesalahan bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Zaharani Ahmad dan Teresa Jabah (2010) terhadap pelajar sekolah juga menemukan hal yang sama, iaitu pelajar gagal membezakan imbuhan di... dan kata sendi di-. Kesalahan ini ternyata berterusan dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti dan penjawat awam. Hal ini tentunya menarik untuk diselidiki dengan lebih lanjut.

Dari sudut tatabahasa, kata sendi di- digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat (Nik Safiah. et. Al (2004), secara terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya, misalnya di tempat, di jalan, di kelas, di tepi, di atas dan di bawah. Imbuhan di... pula adalah awalan yang berfungsi sebagai penanda pasif, misalnya kata dihantar, diambil dan dibuka. Bagi apitan di...kan pula, hendaklah diapitkan pada kata dasar, contohnya dijalankan, ditempatkan, dibawahkan, dan disekolahkan walaupun kata dasarnya terdiri daripada kata nama (tempat) kerana perkataan tersebut membentuk kata kerja pasif. Dengan kata lain, penggunaan di- sebagai frasa sendi, pengejaannya adalah terpisah, manakala di... sebagai imbuhan, pengejaannya dirapatkan. Mudahnya, semua kata kerja apabila mendapat imbuhan di... dan membentuk kata kerja pasif, ejaannya hendaklah dirapatkan.

Selanjutnya, bagi kata dasar yang terdiri daripada kata majmuk atau rangkai kata, imbuhan di... hendaklah diimbuhkan atau ditambah pada perkataan pertama sehingga ejaannya masih lagi terdiri daripada dua patah perkataan, contohnya, diambil kira, dan direka bentuk, manakala bagi apitan di...kan atau di...i apabila diimbuhkan kepada rangkai kata, kedua-dua perkataan tersebut hendaklah dirapatkan, sesuai dengan konsep "apit" itu sendiri, contohnya digabungjalinkan dan diputarbelitkan. Hal yang sama berlaku pada bentuk-bentuk apitan yang lain, misalnya me(N)...kan, pe(N)...an dan ke...an.

Penguasaan Aspek Sintaksis


Bagi membincangkan penguasaan aspek sintaksis, penulis membahagikan perbincangan kepada dua bentuk, iaitu penguasaan frasa dan penguasaan ayat lengkap. Lazimnya, ayat yang dibentuk menepati susunan sintaksis bahasa Melayu, tetapi dirancukan oleh frasa yang salah. Jadual 3 menunjukkan kekerapan kesalahan aspek sintaksis yang menghusus pada frasa tertentu.

Jadual 3 Senarai Kekeperan Kesalahan Aspek Sintaksis

Kesalahan sintaksis	Struktur yang betul	Kekerapan
Kata kerja (me...kan) + sendi nama		
... merujuk kepada perkara...	... merujuk perkara ...	97
... menyerahkan kepada...	... menyerahkan (+ kata nama)...	3
... mengarahkan kepada mengarahkan (+ kata nama) ...	2
... memaklumkan kepada memaklumkan (+ kata nama)...	2
... mengembalikan kepada...	... mengembalikan (+kata nama)...	2
Kata kerja (me...kan) + kata penguat		
...memeriahkan lagi...	...memeriahkan (+ kata nama)...	9
...memantapkan lagi...	...memantapkan (+ kata nama)...	9
...meningkatkan lagi...	...meningkatkan (+ kata nama)...	7
...melancarkan lagi...	...melancarkan (+ kata nama)...	4
...mengeratkan lagi...	...mengeratkan (+ kata nama)...	3
...mengharumkan lagi...	...mengharumkan (+ kata nama)...	2
Kata tanya		
...yang mana...	... yang ...	6
...di mana...	... yang ...	3
Kata majmuk		
... berbagai aktiviti-aktiviti..	... berbagai-bagai aktiviti/pelbagai aktiviti	14
... semua pusat-pusat pengajian semua pusat pengajian...	11
... semua ptj-ptj semua ptj...	9
... pelajar-pelajar universiti...	... pelajar universiti...	5
... semua pelajar-pelajar semua pelajar ...	4
JUMLAH		216

Daripada senarai yang dipaparkan dalam Jadual 3, dapat dilihat bahawa telah berlaku 97 kali kesalahan pengulangan struktur ayat yang mengandungi frasa “merujuk kepada (+kata nama)”. Secara amalnya, frasa tersebut juga sering dilakukan oleh sebahagian besar pengguna bahasa Melayu. Menurut Asmah Haji Omar (1982), pengimbuhan meN...kan kepada kata adjektif dan kata kerja menghasilkan kata kerja transitif yang mendukung makna “menyebabkan”. Namun, Tatabahasa Dewan (2004) menambahkan bahawa selepas kata kerja transitif hendaklah diikuti dengan objek tanpa ada leksikal lain yang menyisip di antara kedua-duanya. Dengan kata lain, penyisipan leksikal lain di antara kata kerja transitif dan objek yang mengikutinya menyebabkan frasa tersebut tidak gramatis. Contohnya, merujuk kepada perkara yang tersebut di atas”.

Oleh sebab data yang dianalisis ialah e-mel yang menggunakan format surat rasmi, maka dapat dipastikan bahawa frasa tersebut berada pada baris pertama pengenalan surat, yang sepatutnya ditulis sebagai “Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.” Hal ini bermakna 48.0% (97) daripada e-mel yang dijadikan sampel kajian ini mengandungi kesalahan frasa tersebut. Hal ini dapat dimaklumi kerana pada umumnya penjawat awam akan menyalin pendahuluan daripada surat atau e-mel terdahulu bagi tujuan menjimatkan masa. Namun, disebabkan penguasaan bahasa Melayu yang kurang baik dan sikap tidak ambil peduli, maka kesalahan yang sama berlaku berulang kali. Contoh baris konkordan bagi frasa “merujuk kepada” dipaparkan dalam Gambar rajah 5. Sesuai dengan prinsip nahu pegangan, kata “kepada” seharusnya tidak boleh berada di antara kata kerja transitif dengan objek. Namun, frasa tersebut wujud kerana dipengaruhi oleh frasa dalam bahasa Inggeris, ...refer to...



Rajah 5 Contoh baris konkordan bagi frasa “merujuk kepada”

Selain daripada frasa merujuk kepada..., penjanaan data turut memaparkan pola kehadiran kata “lagi” sejurus selepas kata kerja transitif, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3. Contohnya, memeriahkan lagi..., memantapkan lagi... dan meningkatkan lagi... Sesuai dengan prinsip nahu pegangan, kata “lagi” seharusnya tidak boleh berada di antara kata kerja transitif dengan objek.

Selanjutnya, selain daripada kesalahan pembentukan frasa, pengkaji turut merakamkan pelbagai kesalahan ayat yang dilakukan oleh penjawat awam. Bagi tujuan penambahbaikan, dipaparkan beberapa contoh ayat seperti yang berikut:

- (i) Izinkan saya dahului dengan ucapan berbilang dan setinggi terima kasih di atas perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini.

Cadangan pembetulan,

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dalam hal ini kami dahulukan dengan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan.

Berdasarkan ayat (i) kesalahan ayat bermula dengan hadirnya imbuhan ber... pada kata adjektif “banyak” untuk menunjukkan kata jamak. Namun, nahu pegangan menjelaskan bahawa imbuhan ber... diimbuhkan pada kata kerja untuk membentuk kata kerja tak transitif, contohnya beratur, bertanding, bersaing, bertumbuk, dan berjalan. Imbuhan ber... juga boleh diimbuhkan pada kata nama membentuk kata melakukan atau menggunakan, contoh, berbaju, berbasikal, berhari raya, berlampu dan sebagainya. Namun, penutur bahasa Melayu tidak mengimbuhkan imbuhan ber... pada kata adjektif, contohnya, bercantik, berwangi, bertinggi, dan berbilang, kecuali pada kata adjektif tertentu yang digandakan untuk menunjukkan maksud tiada ukuran tentu atau infiniti. Contohnya, bercantik-cantik, berbilang-banyak, berwangi-wangi(an), berjinak-jinak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam ayat (i), memadai disebutkan sebagai “... ucapan terima kasih” bukan “... berbilang-banyak terima kasih”. Hal ini kerana penggunaan kata “berbilang-banyak” akan memperlihatkan keadaan berlebih-lebihan atau lewat, tambahan pula orang Melayu tidak menghitung jumlah terima kasih yang dihulurkan oleh seseorang.

Sedangkan frasa “di atas perhatian” salah dari segi struktur tatabahasa bahasa Melayu kerana kata sendi nama di- hanya digunakan di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat atau lokasi yang boleh dilihat dengan mata, contohnya di bawah meja, di kiri jalan, di depan pintu, di dalam kolam, di rumah dan di sekolah. Dalam contoh

ayat yang dipaparkan, “atas” ialah kata arah dan lazimnya hadir sebelum frasa nama atau sesudah kata sendi nama untuk menunjukkan hala atau tempat. Namun, kata “perhatian” yang mengikutinya menunjukkan bahawa tempat atau lokasi yang dimaksudkan bersifat abstrak. Oleh itu, kata sendi di- tidak boleh digunakan.

- (ii) Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari sedang dalam rangka penambahbaikan perkhidmatan jabatan ini untuk bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan sedia ada oleh semua staf.

Cadangan pembedulan,

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari sedang melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan jabatan, bagi memastikan peraturan kewangan sedia ada dipatuhi oleh semua staf.

atau,

Untuk makluman pihak tuan, Jabatan Bendahari sedang melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan jabatan, bagi memastikan peraturan kewangan sedia ada dipatuhi oleh semua staf.

Dalam ayat (ii) pula, kata pemerih “adalah”, yakni unsur yang menjadi pemerihal atau penghubung antara subjek dengan kata atau rangkai kata utama dalam predikat, digunakan pada pangkal ayat. Menurut Tahabahaya Dewan (2004), kata pemerih tidak boleh hadir di hadapan kata kerja atau frasa kerja. Kata pemerih “adalah” ialah kata pemerih yang diikuti oleh frasa sendi nama dan frasa adjektif, contohnya “Rumahnya adalah yang paling cantik.” dan “Warna pilihannya adalah merah.” Kehadiran kata pemerih di pangkal ayat menjadikan ayat tersebut tidak gramatis. Walau bagaimanapun, dalam penulisan surat rasmi, frasa “Adalah dimaklumkan...”, “Adalah dengan ini...” dan “Sukacita dimaklumkan...” sering kali menjadi pilihan pengguna bahasa bagi memulakan kandungan surat atau pendahuluan surat. Alasan spontan yang diperoleh daripada staf yang sempat dimintai pendapat menyatakan: “dari dulu kita tulis macam tu, kita ikut saja contoh surat-surat yang ada, tak tau pulak ayat tu salah”. Dengan kata lain, bentuk tersebut telah diwarisi daripada staf atau pegawai terdahulu tanpa mengetahui sebab atau alasan menggunakan ayat tersebut. Ayat yang lebih santun sekiranya digunakan pada pendahuluan surat adalah “Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa...”, atau “Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa...”. Selanjutnya, pada permulaan isi/kandungan surat, ayat diawali dengan “Untuk makluman tuan,” Bagi memperlihatkan kesinambungan fikiran pengirim surat. Secara psikologi, penerima surat pasti akan berasa selesa apabila mendapat penghormatan daripada pengirim surat, dan akan meneruskan pembacaan surat hingga selesai.

Kesalahan selanjutnya ialah penggunaan kata “untuk” dan “bagi” secara bersamaan kerana dianggap lewah atau berlebih-lebih. Hal ini kerana kata “untuk” dan “bagi” ialah kata yang bersinonim.

- (iii) Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menawarkan program Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada kakitangan bukan akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berkelayakan bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di institusi pengajian tinggi awam tempatan dan luar negara bagi sesi pengajian Tahun 2015 selaras dengan hasrat Kementerian ini untuk meningkatkan tahap profesionalisme pentadbir IPTA di samping untuk membuka lebih peluang kepada kakitangan bukan akademik di IPTA untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran agar lebih berdaya saing dalam memantapkan sistem pengurusan dan pentadbiran di institusi masing-masing.

Cadangan pembedulan,

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menawarkan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada kakitangan bukan akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang layak untuk mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di IPTA tempatan dan luar negara, bagi sesi pengajian 2015. Tawaran ini selaras dengan hasrat kementerian yang ingin meningkatkan tahap profesionalisme pentadbir di IPTA, di samping membuka lebih banyak peluang kepada kakitangan bukan akademik meningkatkan keupayaan dan kemahiran agar lebih berdaya saing dalam memantapkan sistem pengurusan dan pentadbiran di institusi masing-masing.

Kelemahan utama dalam ayat (iii) adalah berkaitan dengan tanda baca. Daripada kesalahan yang dicontohkan, didapati hanya tanda noktah digunakan pada akhir ayat yang sangat panjang. Hal ini menyebabkan pembaca hilang tumpuan terhadap maklumat yang ingin disampaikan. Perlu diingat bahawa setiap tanda baca walaupun kecil, tetapi mempunyai peranan yang tersendiri. Kedudukan tanda baca yang salah boleh menyebabkan berlakunya salah tafsir dan maklumat tidak dapat diterima dengan baik.

- (iv) Setinggi Penghargaan dan Jutaan Terima Kasih diucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Sekretariat dan Individu/Jabatan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Seminar Institusi Raja (SIRaj) Edisi Ulung yang telah berlangsung dengan penuh kejayaan dan kegemilangan pada 5 & 6 Jun 2013 di Lanai Kijang, BNM, Kuala Lumpur.

Cadangan pembetulan,

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa, jabatan dan individu yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Seminar Institusi Raja (SIRaj) Edisi Ulung yang telah berlangsung dengan jayanya, pada 5 – 6 Jun 2013 di Lanai Kijang, BNM, Malaysia.

Daripada ayat (iv), ditemukan beberapa kesalahan bahasa, termasuk penggunaan huruf besar, misalnya penghargaan, terima kasih, individu dan jabatan. Ungkapan tersebut bukan kata nama khas yang perlu diawali dengan huruf besar dan tidak juga berada pada pangkal ayat. Kesalahan yang demikian sepatutnya tidak dilakukan oleh penjawat awam, khususnya di universiti kerana ungkapan tersebut ialah ungkapan biasa yang digunakan sehari-hari. Hal ini jelas menggambarkan kelemahan penguasaan bahasa Melayu dan sikap sambil lewa penjawat awam terhadap bahasa Melayu. Penulis yakin, sekiranya mereka menulis dalam bahasa Inggeris, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan tiada kesalahan ejaan dilakukan.

Kesalahan lain dari ayat (iv) ialah penggunaan kata setinggi. Awalan “se” dalam bahasa Melayu mempunyai beberapa makna, antaranya ialah (1) satu, (2) sama atau serupa (*Kamus Dewan* 2004). Dalam konteks kata setinggi, makna se yang paling sesuai ialah sama, menjadikan kata tersebut bermaksud sama tinggi. Oleh itu, setinggi penghargaan bermaksud sama tinggi dengan penghargaan, sedangkan yang ingin disampaikan ialah ucapan penghargaan yang paling tinggi atau habis tinggi. Dalam bahasa Melayu darjah penghabisan ini diungkapkan dengan bentuk gandaan, contohnya setinggi-tinggi, secantik-cantik, sepandai-pandai dan sebaik-baik.

Dari ayat (iv) juga ditemukan kesalahan frasa “penuh kejayaan dan kegemilangan”. Frasa ini dianggap tidak gramatis kerana kata penguat “penuh” hendaklah diikuti dengan kata adjektif untuk membentuk frasa adjektif yang dapat menggambarkan suasana majlis atau sifat majlis yang dimaksudkan, misalnya penuh warna-warni, penuh meriah, penuh ceria dan sebagainya. Sedangkan kejayaan dan kegemilangan dalam ayat tersebut ialah kata nama yang membawa maksud perihal yang tidak boleh didahului dengan kata penguat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 2004), kegemilangan bermaksud, (1) keadaan bercahaya terang-benderang; (2) kiasan - kejayaan yang sangat baik; kecemerlangan”, contohnya, “Kisah kegemilangan kerajaan Melayu Melaka masih disebut-sebut hingga hari ini”. Walau bagaimanapun, menerusi ayat (iv) penulis ingin menyampaikan bahawa majlis tersebut telah berlangsung dalam suana yang sangat meriah. Justeru, pilihan kata yang tepat ialah gilang-gemilang, bukan kegemilangan atau jayanya, bukan kejayaan.

- (v) Mohon Penolong Pendaftar/Pegawai Cuti memaklumkan ke Pentadbiran ini bagi permohonan Cuti Rehat pegawai yang telah melebihi kadar berkelayakan perkhidmatan yang melayakkan sebelum tarikh ia akan meninggalkan perkhidmatan di UniMAP

Cadangan pembetulan,

Kami ingin memohon kerjasama semua Penolong Pendaftar/pegawai cuti supaya memaklumkan permohonan cuti rehat pegawai yang telah melebihi kadar kelayakan yang ditetapkan kepada pihak pentadbiran kami, sebelum tarikh pegawai menamatkan perkhidmatan.

Kesalahan yang ditemukan dalam ayat (v) masih lagi berkisar pada penggunaan tanda baca, khususnya noktah dan koma, serta kesantunan berbahasa. Dari segi kesantunan bahasa, sememangnya tidak salah menggunakan kata “mohon”, bahkan terlihat lebih sopan daripada kata “minta” yang kedengaran memberikan arahan atau perintah. Penulis tidak merasa wujudnya kejanggalan dalam ungkapan tersebut kerana itulah bahasa yang dituturkan sehari-hari. Namun, dari sudut linguistik, ayat tersebut tidak gramatis kerana binaan ayat inti hendaklah didahului dengan subjek (frasa nama) diikuti dengan predikat (frasa nama/frasa kerja/frasa adjektif/frasa sendi). Binaan ayat (v) sepatutnya terdiri daripada FN + FK (frasa kerja) + KH (kata hubung) + FK (frasa kerja) + frasa sendi.

<i>Kami</i>	<i>ingin</i>	<i>memohon kerjasama</i>	<i>semua Penolong Pendaftar/ pegawai cuti</i>	<i>untuk</i>	<i>memaklumkan (permohonan cuti rehat pegawai yang telah melebihi kadar kelayakan yang ditetapkan)</i>	<i>kepada</i>	<i>pihak pentadbiran kami, (sebelum tarikh pegawai menamatkan perkhidmatan).</i>
KN	KB	KK	KN	KH	KK	KS	KN
FN		FK			FK	FS	
Ayat I					Ayat II		

Ayat (v) terdiri daripada ayat majmuk, iaitu:

- i. Kami memohon kerjasama semua Penolong Pendaftar/pegawai cuti untuk memaklumkan *permohonan cuti rehat pegawai yang telah melebihi kadar kelayakan yang ditetapkan*.
- ii. Makluman *permohonan cuti rehat pegawai yang telah melebihi kadar kelayakan yang ditetapkan* hendaklah diserahkan kepada pihak pentadbiran sebelum tarikh pegawai menamatkan perkhidmatan.

Penguasaan Aspek Pilihan Kata/Istilah

Pada umumnya, penguasaan aspek pilihan kata atau istilah bagi penjawat awam di universiti yang terlibat lebih tertumpu kepada kata daripada bahasa Inggeris, sedangkan kata tersebut sudah memiliki padanan dalam bahasa Melayu, bahkan sudah mantap digunakan. Kekekapan pilihan kata yang digunakan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4. Daripada jadual tersebut, dapat dilihat bahawa perkataan tentatif program dan atur cara tentatif menduduki tempat tertinggi dalam kesalahan penguasaan aspek pilihan kata/istilah. Tinjauan di luar lingkungan universiti berkenaan juga merakamkan perkataan yang sama. Oleh itu, bagi tujuan perbincangan, hanya kata “tentatif” akan dihuraikan.

Jadual 4 Kekekapan penggunaan pilihan kata/istilah

Pilihan kata/istilah	Kata/istilah yang betul	Kekekapan
<i>Aturcara tentatif</i>	Atur cara	15
<i>Online</i>	Atas talian	13
<i>Tentatif program</i>	Program	11
<i>Website</i>	Laman web/laman sesawang	7
<i>Brocur</i>	Brosur	4
<i>Salinan hardcopy</i>	Salinan keras	3
<i>Roadshow</i>	Jerayawara	3
JUMLAH		56

Lazimnya, penjawat awam cenderung menggunakan kata “tentatif”, bagi menunjukkan makna sesuatu yang masih dalam perancangan, cadangan atau sementara, misalnya tentatif program dan atur cara tentatif yang digunakan dalam buku acara atau brosur kegiatan. Secara logik, tidak dapat dinafikan bahawa brosur, atur cara atau rancangan perjalanan program pasti disediakan sebelum kegiatan berlangsung. Jadi wajarlah jika kata tentatif program atau atur cara tentatif digunakan. Walaupun dengan andaian bahawa logik tersebut dapat diterima pakai, namun yang menjadi persoalan adalah mengapa mesti kata “tentatif”? Adakah bahasa Melayu tidak memiliki perkataan lain yang lebih sesuai? Apatah lagi sekiranya ayat tersebut berbunyi demikian: “Judul buku secara tentatifnya ialah “INSTRUMEN PENDIDIKAN DI MALAYSIA”. Sebagai pembaca yang peka dengan bahasa Melayu, tentunya rasa tidak selesa muncul terlebih dahulu, berbanding penerimaan maksud yang ingin disampaikan. Berkaitan dengan kata tentatif program dan atur cara tentatif, kedua-duanya juga berbeza bentuk. Tentatif program dalam susunan hukum M-D, manakala atur cara tentatif dalam susunan hukum D-M, sedangkan dalam bahasa asalnya kedua-duanya berbunyi “*tentative program*”. Hakikatnya, program tentatif atau atur cara tentatif hanya sesuai digunakan sebelum keputusan melaksanakan (misalnya, oleh jawatankuasa) dibuat. Setelah perkara tersebut dimuktamadkan, maka perkataan yang sesuai digunakan ialah “atur cara” atau “program” saja bukan lagi tentatif atau rancangan. Tambahan pula, lazimnya senarai atur cara tersebut diedarkan pada hari majlis berlangsung. Hal yang pasti, perkataan tersebut bukanlah perkataan baharu, bahkan sudah terakam dalam Kamus Dewan yang pertama, yang diterbitkan pada tahun 1970.

Selanjutnya, kajian turut merakamkan bahawa perkataan yang sering menjadi pilihan penjawat awam ialah kata *online*. Umumnya, tanpa merujuk sebarang kamus pun, pengguna bahasa Melayu, khususnya penjawat awam pasti akan dapat menterjemahkan perkataan ini dengan tepat, iaitu atas talian. Namun, oleh sebab berasa dengan ungkapan *online* sudah menjadi satu ungkapan yang sangat biasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu, contohnya, daftar *online*, belanja *online*, “game” *online*, jualan *online* dan tempahan *online*, maka tanpa rasa kekok penjawat awam turut menggunakan perkataan tersebut dalam penulisan rasmi. Padahal dalam bahasa Melayu sudah ada perkataan atas talian. Ada pula yang mengatakan, *online* lebih tepat dan ringkas dibandingkan dengan atas talian, bahkan ada juga yang mengatakan tidak selesa kerana sudah biasa dengan perkataan *online* dan sebagainya. Apalah salahnya dengan terjemahan yang panjang sedikit, tetapi maksudnya lebih mudah difahami oleh sesiapa sahaja. Malah ada bahasa lain, yang terjemahannya lebih panjang. Begitu pula dengan kata *online*, tidak salah untuk menggunakan kata tersebut tetapi hendaklah disebut sebagai /on.li.ne/ kerana sebutan dalam bahasa Melayu, termasuk perkataan yang diserap daripada bahasa asing, hendaklah disebut mengikut bentuk turunan visualnya atau ejaannya. Hakikatnya, dalam keghairahan kita meraikan bahasa asing yang dianggap lebih baik, lebih gah, lebih bernilai ekonomi dan sebagainya, kita lupa dan jijik dengan bahasa kita sendiri, sedangkan bahasa itulah lambang jati diri bangsa kita.

Cadangan

Walaupun tahap penguasaan penjawat awam di universiti yang dijadikan sampel kajian bukanlah pada tahap yang sangat membimbangkan, namun sesuai dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu, khususnya di Universiti Awam, Malaysia beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan. Pada saat makalah ini diterbitkan, beberapa cadangan yang dikemukakan telah mendapat perhatian daripada pihak pengurusan tertinggi universiti. Antara inisiatif boleh dilaksanakan termasuklah:

- a) Membangunkan templat e-mel/surat yang seragam tetapi bersifat lentur, dengan kemudahan penyemak ejaan dan pilihan kata dalam bahasa Melayu.
- b) Menggalakkan staf merujuk Kamus Dewan dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (prpm.dbp.gov.my) yang telah dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- c) Menyediakan kemudahan khidmat meja bantuan untuk menyemak bahasa Melayu.
- d) Mewajibkan semua staf menghadiri kursus penyegaran bahasa Melayu secara berkala.
- e) Menetapkan syarat lulus ujian bahasa Melayu pada peringkat jabatan sebagai syarat pengesahan jawatan bagi staf lantikan tetap.
- f) Menetapkan syarat lulus ujian bahasa Melayu pada peringkat jabatan sebagai syarat pembaharuan kontrak.
- g) Menetapkan syarat penguasaan bahasa Melayu (mengikut tahap) kepada staf ekspatriat.
- h)

5. Kesimpulan

Pada umumnya, kajian mendapati bahawa penguasaan bahasa Melayu penjawat awam di universiti yang menjadi sampel kajian adalah pada tahap sederhana dan tidaklah terlalu membimbangkan, namun keadaan tersebut perlu diberikan perhatian khusus. Hal ini kerana kajian ini hanya tertumpu pada e-mel rasmi yang dikeluarkan oleh pentadbir e-mel, yang bersifat monoton atau senada, dan kurang bervariasi. Kebanyakan e-mel yang beredar diguna semula untuk menulis e-mel yang baharu, sehingga terdapat kesalahan yang sama berulang kali tanpa staf mengetahui wujudnya kesalahan bahasa. Pengkaji menjangkakan hasil dapatan yang berbeza akan diperoleh sekiranya cakupan kajian diperluas kepada dokumen rasmi universiti yang lain, contohnya, surat rasmi, laporan, minit mesyuarat, pengendalian perjalanan mesyuarat dan sebagainya.

Secara keseluruhan, kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam di universiti yang berkenaan bukan sekadar tergambar pada ejaan, frasa, atau imbuhan tetapi juga kelemahan penguasaan kosa kata dalam bahasa Melayu. Hal ini berlaku disebabkan pengaruh persekitaran universiti berkenaan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, sikap dan persepsi penjawat awam di universiti berkenaan terhadap bahasa Melayu itu sendiri, kurang motivasi dan “dendaan” atau teguran dalam hal penggunaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penghargaan perlu diberikan kepada pihak pengurusan universiti berkenaan yang telah melaksanakan beberapa cadangan yang dikemukakan. Sehingga makalah ini diterbitkan, pihak universiti telah meluluskan kertas cadangan untuk menetapkan syarat lulus ujian bahasa Melayu kepada semua staf lantikan baharu sebagai syarat pengesahan jawatan dan lantikan kontrak; dan meluluskan kertas cadangan untuk menetapkan syarat penguasaan bahasa Melayu kepada semua staf ekspatriat.

Rujukan

- Abdul Rashid Daing Melebek. 2010. Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam. *Jurnal Linguistik* Jilid 11: DISEMBER (1 – 17).
- Asmah Haji Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. *Menilai Kedudukan Bahasa Melayu di Sektor Kerajaan*. <http://klikweb.dbp.my/wordpress>. [15 April 2015].
- Britannica Encyclopedia* (<http://global.britannica.com/EBchecked/topic/183816/e-mail>) [13 April 2015].
- DBP. 1975. *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Derks, D., & Bakker, A. (2010). The Impact of E-mail Communication on Organizational Life. *Cyberpsychology: Journal of Psychosocial Research on Cyberspace*, 4(1), article 4.
- Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi Kerajaan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003.
- JPA. 2011. Pelan Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memantapkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Putrajaya: JPA
- JPA. 2006. Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2006.
- JPA. 2011. Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011.
- Junaini Kasdan. 2010. *Sikap, persepsi dan tahap penguasaan bahasa Melayu Remaja : analisis sosiokognitif*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia (bahan tidak diterbitkan).
- Kamus Dewan (edisi empat). 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KPM. 2011. Pelan Pembangunan Pemartabatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di IPTA. Putrajaya: KPM.
- Langkah-Langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 1 Jun 2007.
- Langkah-Langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 23 November 2007.
- Laurence Anthony. 2005. *AntConc: Design and Development of a Freeware Corpus Analysis Toolkit for the Technical Writing Classroom*. 2005 IEEE International Professional Communication Conference Proceedings. http://www.laurenceanthony.net/research/ipcc_2005_anthony_antconc.pdf.
- MAMPU. 2007. Pemantapan Penggunaan Dan Pengurusan E-Mel Di Agensi-Agensi Kerajaan. Bdpict.700-2/36 (1).
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. 2004. *Tatabahasa Dewan Jilid 2 Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah. 2011. Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa* Jilid 11 bil. 1 (63 – 82).
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Zecqualine Melai. 2013. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin (*peny*), *Penguasaan bahasa Melayu Remaja Sabah dan Sarawak*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2010. Sosiokognitif dan penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia: kupasan ilmiah. *Jurnal Linguistik*, Jilid 10 (edisi khas) 1 – 21.

Zaharani Ahmad dan Teresa Jabah. 2010. Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa. *Jurnal Linguistik*, Jilid 10 (edisi khas) 48 – 61.